


SIARAN MEDIA

Harga Runcit Produk Petroleum Bagi Tempoh 11 Januari 2020 Sehingga 17 Januari 2020

HARGA MINYAK | 10 JANUARI 2020



Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 11 Januari 2020 sehingga 17 Januari 2020 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. Harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM2.65 seliter kepada RM2.62 seliter;
2. Harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. Harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.32 seliter dan RM2.46 seliter masing-masing. Ini menunjukkan penurunan dari minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.35 seliter, manakala kenaikan bagi harga runcit produk diesel yang berada pada paras RM2.43 seliter

Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menangguhkan Program Subsidi Petrol. Dengan pengekal harga runcit bagi kedua-dua produk ini, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi tempoh 11 Januari 2020 sehingga 17 Januari 2020 adalah berjumlah RM122.85 juta.

Produk	Harga Jualan Runcit Berdasarkan APM (RM/liter)	Harga Jualan Runcit Yang Ditetapkan (RM/liter)	Anggaran TanggunganSubsidi Kerajaan Bagi Tempoh 11 Januari 2019 Hingga 17 Januari 2020 (RM' juta)
RON97	2.62	2.62	Tiada
RON95	2.32	2.08	83.16
Diesel	2.46	2.18	36.69
Jumlah Keseluruhan			122.85

Sayangi Malaysiaku! my

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
10 Januari 2020

[Harga Minyak](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)